

Harian metro  
18/9/2015  
mls 13

BAHANA JEREBU

# 463 sekolah diarah tutup

## Bacaan IPU di Samarahan catat paras paling tinggi

Oleh Abd Rahman Adam  
abdulrahman@hmetro.com.my  
**Kuching**

Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencecah bacaan 200 pada skala tidak sihat di tujuh daerah negeri ini menyebabkan 463 sekolah dengan 400 sekolah rendah diarahkan tutup semalam.

Shingga jam 11 pagi semalam, bacaan IPU di Samarahan mencatat paras paling tinggi iaitu 210, manakala Kuching 208 sementara lima daerah lain meliputi Padawan, Bau, Lundu, Serian dan Simunjan masing-masing lebih 200.

Berikutan arahan penutupan sekolah yang dikeluarkan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS), seramai 184,808 pelajar dengan 104,525 pelajar sekolah menengah diarahkan balik pada jam 9 pagi.

Dalam kenyataan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di sini, semalam, walaupun penurunan IPU di kawasan Kuching dan Samarahan setakat jam 4 petang semalam, sekolah di dua kawasan ini akan terus ditutup esok.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Ke-



SEBUAH sekolah di Kuching ditutup hari selepas bacaan IPU mencatat bacaan tidak sihat.

uarga negeri Datuk Fatimah Abdullah berkata, apabila bacaan IPU menghampiri atau mencecah 200, guru besar atau pengetua di sekolah terbabit perlu menutup sekolah.

Bagaimanapun, katanya, pihak sekolah perlu memaklumkan kepada Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) berhubung perkara itu terlebih dulu, sebelum memaklumkan kepada ibu bapa pelajar untuk menjemput anak mereka di sekolah.

“Surat pekeliling sudah diedarkan kepada pihak sekolah mengenai tindakan

yang perlu diambil sekiranya IPU menghampiri bacaan amat tidak sihat,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri 2015, di Wisma Wanita di Jalan Sultan Tengah, di sini, semalam.

Fatimah berkata, semua sekolah yang diarahkan tutup hanya dibuka apabila bacaan IPU pulih iaitu pada tahap sihat atau sederhana dan perkara itu akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**FAKTA**  
IPU cecah  
bacaan 210

## **Tiada syarikat tempatan terbabit kebakaran hutan**

Tiada satu pun syarikat milik Malaysia yang terbabit dalam pembakaran hutan di Indonesia, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan

Junaidi Tuanku Jaafar. Jelas beliau, Menteri Perhutanan republik itu seharusnya memahami peruntukan undang-undang yang menyebut, mana-mana

syarikat berdaftar di Indonesia adalah milik negara berkenaan.

Menteri itu mendakwa Malaysia antara 20 syarikat yang disiasat berhubung kebakaran hutan.

## **Jerubu dijangka berkurangan musim peralihan**

Keadaan jerebu dalam negara dijangka berkurangan dengan berakhirnya musim monsun Barat Daya diikuti musim peralihan monsun sehingga awal November

depan. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, ketika musim peralihan monsun, negara akan mengalami keadaan

lebih lembap berbanding sekarang.

Menurutnya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus memantau rapi bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di seluruh negara.